

PENCARUM KWSP SETUJU DENGAN PERMOHONAN PTPTN

Mutakhir ini PTPTN mendominasi isu pendidikan tanahair. Masalah keengganan pelajar membayar semula pinjaman, kelemahan pengurusan dan pentadbiran dan kini isu permohonan pinjaman sebanyak RM2 billion kepada KWSP bagi membiayai pinjaman pendidikan pelajar pada masa mendatang. MTUC dan CEUPACS membantah permohonan ini dengan alasan ia tidak menjamin sebarang keuntungan kepada pencarum, lebih-lebih lagi berdasarkan penetapan dividen hanya sekadar 4.75 peratus bagi tahun 2004.

Sesungguhnya tidak dapat dinafikan MTUC dan CEUPACS menyuarakan pandangan mereka yang mewakili 350 kesatuan sekerja seluruh negara berdasarkan tanggungjawab mereka untuk membela nasib pekerja-pekerja. Sudah menjadi lumrah bagi mereka untuk memastikan nasib dan keadaan pekerja dibela dan seterusnya menentukan faedah dan manfaat yang boleh dinikmati oleh setiap ahli kesatuan sekerja.

Namun begitu, harus diingat tanggungjawab ini perlu diimbangi sewajarnya. Perkara yang sama penting bahkan lebih mustahak daripada itu perlu juga diberi perhatian iaitu tanggungjawab moral dan kebajikan kepada generasi muda negara. Sebagai salah seorang pencarum KWSP, penulis merasakan majoriti ahli KWSP akan menyokong dan meredhai permohonan PTPTN untuk membuat pinjaman bagi tujuan pendidikan. Graduan-graduan hasil pembiayaan PTPTN yang kini bekerja di segenap sektor dan industri juga sudah pasti merupakan pencarum KWSP. Sebagai mengenang jasa dan sumbangan PTPTN mereka juga sepatutnya memberikan sokongan kepada usaha PTPTN untuk menyediakan peluang pinjaman pendidikan kepada generasi yang seterusnya.

Sudah sedia maklum PTPTN bukanlah sebuah badan yang bermatlamatkan keuntungan tetapi ditubuhkan sebagai sebuah mekanisma alternatif bagi membiayai pendidikan pelajar yang tidak berkemampuan. Ini berdasarkan kos pendidikan yang amat tinggi tidak dapat lagi ditanggung oleh kerajaan sepenuhnya. Caj perkhidmatan sebanyak 4 % adalah jumlah yang amat kecil dan pastinya tidak dapat memberikan pulangan yang lumayan kepada KWSP sekiranya meluluskan permohonan PTPTN.

Permohonan PTPTN bukanlah bertujuan untuk pelaburan yang pastinya akan mendapat pulangan yang lumayan berbentuk kewangan. Pelaburan ini merupakan pelaburan berbentuk sumber manusia iaitu untuk mengeluarkan tenaga kerja yang berpendidikan, mahir dan berkemampuan untuk bersaing di peringkat nasional dan antarabangsa. PTPTN memberikan sumbangan ke arah penyediaan tenaga kerja professional yang diperlukan untuk kemajuan negara.

Di sebalik pandangan negatif masyarakat terhadap PTPTN samada dari aspek pengurusan dan pentadbiran, kita juga perlu mengakui sumbangan dan jasa yang telah disumbangkan oleh PTPTN kepada masyarakat selama ini. Menurut perangkaan PTPTN telah membiayai lebih 189,000 pelajar yang kini telah menamatkan pengajian di peringkat sarjana muda dan sarjana. Bilangan ini sudah mencukupi untuk kita mempertimbangkan

relevansinya permohonan PTPTN untuk meminjam wang daripada KWSP. Statistik ini menunjukkan betapa PTPTN telah membantu terhadap pembangunan pendidikan negara melalui pinjaman pendidikan yang telah diberikan kepada ratusan ribu graduan yang kini berkhidmat di pelbagai sektor samada swasta atau kerajaan.

Pinjaman PTPTN kepada ratusan ribu pelajar merangkumi pelbagai kaum samada Melayu, Cina India atau etnik-etnik lain. Secara tidak langsung polisi PTPTN ini dapat merapatkan lagi hubungan di antara kaum kerana menyediakan kesaksamaan dan keadilan pembahagian peluang pendidikan. Individual yang tidak berkemampuan masih berpeluang untuk meneruskan pelajaran melalui pembiayaan PTPTN.

Di samping itu, trend kepergantungan seratus peratus kepada KWSP juga perlu dikikis. Ini kerana masih ada ruang dan mekanisma lain yang boleh diusahakan sebagai alternatif. Sesungguhnya bantahan yang dibuat oleh MTUC dan CEUPACS sepatutnya diiringi dengan cadangan dan pandangan alternatif dan konstrktif. Mungkin jumlah RM2 billion itu terlalu tinggi dan ianya boleh dikongsi bersama oleh badan-badan lain seperti PNB atau yayasan negeri dan sebagainya.

Pendidikan merupakan perkara yang murni dan tidak sepatutnya dikomersialkan. Setiap rakyat Malaysia mempunyai tanggungjawab sosial terhadap pembangunan pendidikan negara. Mungkin melalui KWSP tanggungjawab ini boleh disumbangkan oleh rakyat Malaysia. Pertimbangan yang lebih adil dan relevan apabila mengaitkan isu ini dengan pendidikan negara perlu diberikan perhatian. Tanggungjawab sosial adalah satu kewajipan. Biarlah KWSP bersama-sama PTPTN bergandingan menunaikan tanggungjawab sosial di dalam aspek pendidikan kepada negara. **ZULKIFLI BIN HASAN.**